

Bantuan Biasiswa One-Off beri manfaat kepada lebih 1,000 siswa

NST. 25.1.2019 2

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Bantuan Biasiswa One-Off berjumlah RM10 juta yang dilancar Sept tahun lalu memberi manfaat kepada lebih 1,000 siswa siswi anak negeri Sabah dan 300 pelajar sekolah menengah dalam kategori B40.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie berkata bantuan itu adalah antara satu usaha untuk menambah bilangan anak-anak negeri Sabah yang melanjutkan pelajaran serta menaiktaraf institusi pendidikan.


"Pembangunan kini bukan hanya dari segi kejayaan dalam sektor pembangunan negeri semata tetapi juga melalui sektor pendidikan dan kesihatan yang mana amat ditekankan kini.

"Sudah tiba masa kita menjadikan sektor pendidikan anak-anak negeri dan negara ini untuk berubah ke arah yang lebih baik meliputi kandungan pendidikan itu sendiri." katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir dalam Majlis Penyampaian Bantuan Pendidikan One-Off Yayasan Sabah dan Bantuan Balik Sekolah Menengah di Universiti Malaysia Sabah kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Jamalul Kiram memberitahu bahawa Yayasan Sabah akan terus memfokuskan kepada pembangunan pendidikan khususnya dari segi penyediaan bantuan dan biasiswa kepada anak-anak negeri yang berjaya menyanggung pengajian.

Sejak 1968, sejumlah RM327.12 juta telah diterima oleh 19,093 penerima biasiswa Pengajian Tinggi Yayasan Sabah dalam pelbagai bidang dan RM112.09 juta pula diterima oleh 73,245 penerima tajaan biasiswa Menengah Yayasan Sabah.



SAMPAIKAN ... Shafie (tiga kiri) menyampikan bantuan kepada para penerima.

Bantuan One-Off sebanyak RM1,000 setiap orang diterima oleh 1,000 pelajar anak negeri yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat universiti manakala RM200 setiap orang bagi para pelajar dari 10 buah sekolah menengah di sekitar Kota Kinabalu.

Penerima, Edriana Engel ketika ditemui New Sabah Times berkongsi kegembiraannya atas bantuan itu.

"Kini saya bakal memasuki semester kedua pengajian dalam bidang keusahawanan di UMS dan pertama kali saya menerima bantuan RM1,000 ini.

"Saya bersyukur kerana bantuan ini pasti saya manfaatkan untuk perbelanjaan semester baru nanti sekali gus dapat meringankan beban orang tua saya di Keningau yang perlu menyara lagi tiga adik beradik," katanya.

Selain itu, Mohd Amirul Iqwan

dan Petronella Gauhin yang masing-masing berusia 18 tahun dan menuntut dalam jurusan Diploma Vokasional Malaysia, Program Kesetiausahaan Pentadbiran turut berkongsi kegembiraan dengan bantuan itu.

"Saya bersyukur atas bantuan RM200 yang mana saya akan manfaatkannya untuk kegunaan wang saku harian dan saya dapat meringankan beban ibu bapa yang berada di Tuaran kerana saya merupakan anak sulung," kata Amirul.

"Bantuan ini adalah antara bantuan yang sangat diperlukan oleh kami sebagai pelajar dan kami berharap pihak bertanggungjawab akan lebih memberi fokus untuk menyediakan lebih bantuan kepada para pelajar di negeri ini, khususnya bagi mereka yang memerlukan bantuan dalam melanjutkan pengajian," ujar Petronella.



CERIA ... Wajah ceria penerima bantuan.



GEMBIRA ... Petronella, Amirul dan Edriana ketika ditemui New Sabah Times selepas menerima bantuan.